

## PENGHARGAAN

Syukur kepada Allah kerana dengan Rahmat dan Hidayah Nya kertas projek ini dapat diselesaikan, dan didalam tempoh masa yang dikehendaki.

Penulis ingin merakamkan penghargaan amat tinggi kepada Bapak Dr. Abdullah Siddik yang telah meneliti deraf kajian ini dengan kesabaran dan membuat teguran-teguran yang membina. Beliau juga telah menunjukkan minat yang menggalakkan. Perbincangan-Perbincangan dengannya adalah sangat berharga dan menolong menjayakan kajian ini.

Selanjutnya diucapkan ribuan terima kasih kepada Jabatan Hal Ehwal Ugama Islam, Kedah yang telah memberi kerjasama dan membenarkan penulis mengkaji fail-fail dan lapuran-lapurannya; khasnya kepada Setiausaha Baitul-Mal dan Wakaf, Ustaz Mustaffa dan pembantunya, Encik Bashir yang telah meluangkan masa mereka untuk menjawab soalan-soalan penulis dan menyediakan beberapa kemudahan. Kepada mereka penulis sangat terhutang budi.

Penulis tidak dapat melupakan jasa baik yang diberikan oleh Ustaz Mohammad Shafie, Ustaz Harun, Ustaz Mohammad Khir dan Ustaz Haji Omar yang telah bersusah payah menterjemah teks-teks Arab yang dirojok. Tanpa kerjasama dari mereka, kajian ini mungkin tidak berhasil.

Perlu penulis menyebut kerjasama yang diberi oleh pustakawan-pustakawan Perpustakaan-Perpustakana Fakulti Islam,

Universiti Kebangsaan dan Maktab Mahmud, Alor Setar. Kerja menaip telah diselenggarakan oleh saudara Yahaya Hashim dengan begitu rapi.

Kepada mereka yang telah memberi sumbangan secara langsung maupun tidak, terhadap kajian ini, penulis mengucapkan berbanyak terima kasih.

Akhirmnya sekali ribuan terima kasih ditujukan kepada isteri penulis yang telah memberi dorongan serta galakan yang tak terhingga.